

**TEKS UCAPAN**

**BRIG JEN DATUK PROF DR KAMARUDIN HUSSIN**

**NAIB CANSELOR UniMAP**

**MAJLIS PERASMIAN HARI KOKURIKULUM 2013 SEMPENA  
FESTIVAL KONVOKESYEN KE-8 UniMAP**

**PADA 20 September 2013**

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

**Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP**

**Yang Berbahagia, Assistant Komisioner Polis Dato' Prof. Zul Azhar Zahid Jamal**, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa merangkap Komandan Kor Suksis, UniMAP

**Yang Berbahagia Profesor Madya Dr Fo'ad Sakdan**, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni

Pegawai-Pegawai Utama Universiti

Penolong-Penolong Naib Canselor

**Yang Berusaha Timbalan Komandan PALAPES UniMAP, Mejar Prof. Madya Dr. Zaliman Sauli, Pengarah Pusat Kokurikulum merangkap Pengerusi Hari Kokurikulum 2013**

Ketua-Ketua Dan Wakil-Wakil Jabatan Serta Agensi-Agenzi Badan Beruniform Negeri Perlis

Dekan-dekan dan ketua –ketua jabatan, UniMAP

Wakil-wakil Media

Para jurulatih kokurikulum dan badan beruniform

Para pelajar dan hadirin yang dikasihi sekalian.

**Kata Aluan,**

1. Syukur ke hadrat illahi, dengan limpah kurniaNya dapatlah kita berkumpul bersama-sama pada petang ini bagi menjayakan **Majlis Perasmian Hari Kokurikulum 2013 sempena Festival Konvokeyen UniMAP ke-8** pada kali ini.
2. Pertama sekali saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada seluruh jawatankuasa serta ahli badan beruniform yang terlibat. Kerjasama dan komitmen anda semua amatlah bermakna dalam menjayakan program pada hari ini. Hanya Allah S.W.T yang dapat membalaunya.

## **Peranan dan Kepentingan Ko-kurikulum**

Hadirin sekalian,

3. Sempena dengan kemasukan para pelajar baru Program Ijazah Sarjana Muda bagi sesi kemasukan 2013/2014 baru-baru ini, UniMAP sekali lagi membuka lebaran baru dari aspek aktiviti dan pembangunan kokurikulum. Seramai 2,718 orang para pelajar Ijazah Sarjana Muda ini yang terdiri daripada pelbagai lapisan kaum seperti Melayu, Cina, India, Kadazan, Siam dan lain-lain diwajibkan mengikuti kursus-kursus badan beruniform. Mereka perlu mengikuti kursus ini sekurang-kurangnya selama dua semester dan diikuti dengan kursus kokurikulum yang lain seperti yang ditawarkan oleh Pusat kokurikulum.
  
4. Aktiviti kokurikulum adalah sebahagian daripada kurikulum pembelajaran bukan sahaja di peringkat sekolah tetapi juga di peringkat universiti. Di UniMAP, semua pelajar samada di peringkat diploma mahupun ijazah adalah diwajibkan untuk menyertai badan beruniform. Kini, pelajar-pelajar di UniMAP telah diwajibkan untuk mengambil 3 jam kredit bagi kursus kokurikulum sebagai syarat bergraduat.

5. Sejak awal penubuhan UniMAP hingga kini sebanyak 55 jenis kurikulum ditawarkan yang merangkumi 15 jenis badan beruniform. Silat Cekak, Brass Band, Taekwondo WTF, Taekwondo GTF dan Karate-do juga turut dijadikan badan beruniform mulai pengambilan Sidang Akademik 2013/2014.
6. Saya percaya kesemua kursus ini amat berperanan dalam usaha melahirkan graduan yang memiliki modal insan kamil. Selain itu saya difahamkan struktur kurikulum juga telah ditambahbaik. Struktur kursus kurikulum yang baru ini dilihat mampu meningkatkan lagi semangat patriotisme, jatidiri, disiplin, kesetiaan dan semangat berpasukan. Dengan pelbagai cabaran dan peningkatan tanda aras dalam lapangan pekerjaan kini juga, struktur kursus kurikulum yang baru ini mampu membekalkan kemahiran insaniah yang berterusan dan meningkatkan lagi nilai tambah para graduan UniMAP pada masa hadapan.

Hadirin sekalian,

7. Kursus Kokurikulum Berkredit (KKB) yang telah diperkenalkan di Institut Pengajian Tinggi adalah berteraskan Kemahiran Insaniah yang meliputi kemahiran berkomunikasi, kemahiran kerja berpasukan, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran pembelajaran berterusan dan teknologi maklumat, kemahiran etika moral, kemahiran keusahawanan, dan kemahiran kepemimpinan.

Kemahiran-kemahiran ini amat penting kepada para pelajar agar ianya bersesuaian dengan tuntutan dan keperluan masa depan Negara dan global.

8. UniMAP juga telah mengambil langkah proaktif dalam menjana modal insan yang berkualiti. Justeru itu, melalui program dan aktiviti-aktiviti kokurikulum inilah, pihak pengurusan UniMAP berharap dapat membangunkan modal insan yang holistik.
9. Penglibatan mahasiswa dalam merungkai permasalahan masyarakat bukan sahaja memperlihatkan nasib masyarakat itu dibela, tetapi yang lebih penting mahasiswa didedahkan dengan nilai-nilai seperti kreativiti, kolaborasi, memahami keutamaan, berfikir secara kritikal, berdaya tahan dan empati tinggi untuk menjawab persoalan-persoalan sosial semasa.

Hadirin Sekalian,

10. Kejayaan demi kejayaan dicapai terutamanya oleh Pusat Kokurikulum merupakan hasil kerjasama yang erat dan komitmen tinggi yang diberikan oleh semua jurulatih yang bertauliah. Penglibatan dan pengorbanan jurulatih tidak kira masa dan tempat perlu dipuji dan dihargai dalam penglibatan sosial serta kesukarelawanan yang akhirnya memberi kekuatan sahsiah kepada golongan mahasiswa UniMAP itu sendiri. Antara kejayaan yang dapat dicapai pada tahun ini seperti ;

- a) Wakil Badan Beruniform Kor SISPA UniMAP telah menjadi Naib Johan Kemahiran Perawatan Awal sempena Majlis Pentauliahan & Perhimpunan Kebangsaan Kor SISPA Kali Ke-4 Tahun 2013 yang berlangsung di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia pada 23 hingga 27 Ogos yang lalu.
- b) Peserta Badan Beruniform Pandu Puteri UniMAP, Saudari Annabelle Stanly telah menjadi johan Pertandingan Public Speaking Peringkat Kebangsaan 2013 yang berlangsung di Kuala Lumpur pada April yang lalu.
- c) Pertandingan Brass Band antara Badan Beruniform sempena Ulang Tahun Keputeraan DYMM Tuanku Raja Perlis ke-70 di mana UniMAP merangkul tempat ke-2 keseluruhan. Pertandingan ini berlangsung di UiTM Arau.

11. Tahniah saya ucapkan kepada seluruh warga tenaga pengajar UniMAP, dan jurulatih kurikulum serta badan beruniform, marilah kita sama-sama saling bantu-membantu ke arah melahirkan pelajar yang mempunyai personaliti unggul serta mampu menguasai ilmu semaksima mungkin. Saya amat berharap jurulatih-jurulatih badan beruniform dapat membentuk semangat kesukarelawanan yang tinggi di kalangan para pelajar UniMAP.

12. Para pelajar diharapkan dapat memberi khidmat sosial atau Corporate Social Responsibility (CSR) kepada universiti dan masyarakat tanpa mengira masa dan ketika. Perkara ini bertepatan dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia yang inginkan pelajar yang mengambil Kokurikulum Berkredit di IPTA terlibat dengan University Community Engagement (UCE) pada tahun 2013 iaitu sebanyak 25%, 70% pada tahun 2014 dan 100% pada tahun 2015. Untuk makluman sekalian, UCE adalah satu program libat sama antara universiti dengan komuniti selari dengan Pelan Transformasi Sosial.

Hadirin Sekalian,

### **Penutup**

Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin menyeru kepada anak-anak pelajar agar sentiasa berfikir dahulu sebelum bertindak. Janganlah kita melalukan perkara-perkara yang tidak mendatangkan sebarang faedah. Anak-anak pelajar merupakan belia harapan Negara.

**Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Majlis Perasmian Hari Kokurikulum 2013 sempena Festival Konvokesyen ke-8 UniMAP.**

Sekian Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.